

# Lima penuntut UMS sertai program

## Iktiraf tingkat daya kepimpinan

DE 16.12.14 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghantar lima mahasiswa ke program Himpunan Ikatan Hati Warga Felda (Iktiraf) Kebangsaan yang berlangsung di Dataran Pancarona Putrajaya baru-baru ini.

Rombongan mahasiswa tersebut diketuai Pengerusi Permuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada) UMS, Datu Rosman Datu Ahir Zaman yang merupakan warga Wilayah Felda Sahabat Lahad Datu.

Beliau bersama empat mahasiswa lain turut menyertai pelbagai program yang berlangsung selama tiga hari.

Mereka ialah Nur Fatimah Abd Halim, Hasbullah Abd Samat, Ahmad Khusairi Abd Jalil-Feld dan Mohd Khairul Ariffin Uding.

Menurut Datu Rosman, pelbagai pengalaman berguna telah diperolehi sepanjang mengikuti program berkenaan yang dihadiri lebih 25,000 warga Felda dari seluruh negara.

"Pada himpunan tersebut kami telah menghadiri Forum Perdana, Malam bersama Ustaz Kazim Elias, Malam Cinta Rasul serta Konvensyen Generasi Baharu Felda," tambahnya ketika dihubungi selepas program itu berlangsung.

Katanya, kesempatan untuk menyertai slot forum Pemerikasaan Sosial dan Komuniti Generasi Baharu Felda Cemerlang di dataran Pancarona Putrajaya juga sangat bermakna apatah lagi panel forum tersebut adalah tokoh-tokoh yang hebat seperti Ahli Lembaga Pengarah Felda

merangkap pengerusi Latihan Khidmat Negara, Datuk Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid.

Kemuncak acara itu turut menyaksikan Datu Rosman bersama-sama kontinjen Persatuan Belia (MBFM) Felda Sahabat 2, Felda Wilayah Sahabat, Sabah yang memenangi Piala Perdana Belia Felda Malaysia tampil ke atas pentas bagi menerima hadiah dan anugerah berkenaan.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS, Profesor Madya Dr. Ismail Ali ketika dihubungi berkata, pihaknya sentiasa menyokong program-program seumpama ini demi pembangunan generasi muda yang berdaya saing termasuk dalam kalangan belia-belia Felda.

"Program ini sangat bermanfaat dalam memberikan pendedahan kepada para pelajar universiti agar kelak mampu menjadi pelapis pemimpin yang cemerlang. Justeru, kita menghantar mahasiswa bagi memastikan mereka mendapat pendedahan dan pengalaman untuk memantapkan lagi minda dan aspek sahsiah serta peningkatan jati diri," ujarnya lagi.

Himpunan Iktiraf Kebangsaan tersebut diadakan buat edisi yang ke-7 melalui gabungan penganjuran bersama Seranta felda, Jabatan Perdana Menteri; Felda dan Majlis Belia Felda Malaysia.